

24 JUN 2002
MCA-Pemilihan/I
LING, LIM KEKALKAN JAWATAN TANPA PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek mengekalkan jawatan masing-masing apabila pencalonan bagi anggota Jawatankuasa Pusat, Pemuda dan Wanita Kebangsaan parti itu di ibu pejabat MCA di sini ditutup petang ini.

Bagaimanapun, Dewan San Choon, tempat berlangsungnya pencalonan itu, menyaksikan sedikit ketegangan apabila beberapa pemimpin peringkat akar umbi mengemukakan pencalonan masing-masing dengan membelakangkan rancangan damai dan peraturan yang bertujuan mengekalkan status quo dalam parti itu.

Namun, semua pencalonan mereka ditolak oleh Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA yang bermesyuarat sebaik sahaja berakhirnya tempoh pencalonan.

"Intipati rancangan damai adalah untuk mengekalkan status quo dan senarai tunggal, jadi kami membuat keputusan menolak pencalonan lain...sebarang pencalonan selain senarai tunggal adalah tidak sah dan batal," kata pengerusi jawatankuasa Datuk Seri Dr Ting Chew Peh kepada pemberita selepas mesyuarat berkenaan.

"Ini keputusan yang amat luar biasa dan ia dibuat berasaskan perpaduan parti," katanya.

"Cabaran" terhadap Dr Ling datang daripada pengerusi MCA Cawangan Jalan Ampang, Lim Lik Kai, yang juga anggota jawatankuasa MCA Bahagian Bukit Bintang.

Satu lagi penyimpangan daripada rancangan damai yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu datang daripada pencalonan kelima bagi jawatan naib presiden sedangkan jawatan itu hanya diperuntukkan untuk empat orang.

Anggota yang dicalonkan bagi jawatan itu ialah Teo Kah Choi, setiausaha penganjur MCA Bahagian Bukit Bintang.

MCA mengadakan pemilihan jawatan parti tiga tahun sekali. Bagaimanapun, pada pemilihan kali ini, jawatankuasa pusat parti bersetuju melaksanakan rancangan damai yang tidak membenarkan pertandingan bagi semua jawatan dari peringkat bahagian ke atas untuk mengekalkan status quo dan pengisian sebarang kekosongan jawatan hanya boleh dibuat melalui rundingan dan kata sepakat.

Tujuan utama rancangan damai yang dikenali sebagai "Agenda Kestabilan MCA" itu adalah untuk menamatkan perebutan kuasa antara dua pihak yang masing-masing dipimpin oleh Dr Ling dan Lim.

Kepatuhan dan komitmen para pemimpin tertinggi MCA terhadap agenda damai itu terbukti hari ini apabila Dr Ling dicalonkan oleh Lim dan disokong oleh naib presiden Datuk Chua Jui Meng bagi jawatan presiden.

Sebagai balasan, Dr Ling pula mencalonkan Lim sebagai timbalannya dan disokong oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn yang juga naib presiden MCA.

Jawatan empat naib presiden juga dikekalkan oleh peyandang sekarang iaitu Fong, naib presiden paling kanan Chua, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Parti itu juga mengekalkan 25 anggota jawatankuasa pusatnya, yang merupakan jawatan yang dilantik. Jawatan setiausaha agung kekal disandang oleh Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, bendahari agung disandang oleh Tan Sri William Chek Lin Kwai dan jawatan setiausaha penganjur kebangsaan dikekalkan oleh Datuk Ong Ka Chuan. Kesemua penyandang jawatan ini adalah

dilantik.

Di samping itu, enam anggota lagi dilantik menduduki jawatankuasa pusat parti itu.

Wanita MCA juga mengekalkan status quonya dengan Timbalan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Ng Yen Yen menerajui sayap itu.

Bagi sayap Pemuda pula, beberapa jawatan belum diisi apabila kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian tentang siapa yang patut menyandanginya.

Ketua Pemuda MCA yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Keat terus menerajui sayap itu.

Pemuda MCA membuat perubahan penting pada tahun ini dengan mewujudkan dua jawatan setiausaha agung bagi memuaskan hati kedua-dua puak dalam sayap itu.

Jawatan itu yang merupakan jawatan lantikan, disandang oleh Liow Teong Lai, bekas timbalan setiausaha agung pemuda dan bekas setiausaha politik Lim serta Loh Seng Kok, bekas naib presiden Pemuda MCA yang kini berkhidmat sebagai setiausaha politik Dr Ling.

-- BERNAMA

SR AT SP NAK